

# ‘Celik’ mata kail

Harian Metro - 2 Mac

## ■ Peserta buta bukti kehebatan juarai pertandingan memancing

Oleh Mohammad Ishak  
am@hmetro.com.my

Jertih

**W**alaupun sebahagian pesertanya cacat penglihatan, Pertandingan Juara Joran di kolam Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) Kampus Tembila, Besut, dekat sini, kelmarin tetap meriah dengan gelagat masing-masing.

Pertandingan anjuran Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Terengganu (PERTIS) ternyata dapat menunjukkan golongan orang kurang upaya (OKU) seperti itu mampu menunjukkan kehebatan memancing.

Pengerusi PERTIS Mohd Fauzi Mansor berkata, melalui pertandingan itu dapat membuktikan bahawa OKU cacat penglihatan juga berupaya melakukan aktiviti seperti orang normal, malah sesetengahnya mempunyai kebolehan luar biasa.

Menurutnya, kejayaan menganjurkan aktiviti me-



**PESERTA** cacat penglihatan memasang umpan sebelum mula memancing.

mancing itu membuktikan mereka juga mempunyai minat sama seperti manusia lain dan meminta supaya mereka tidak dipinggirkan.

“Kami mahu masyarakat bercampur gaul dengan mereka untuk memajukan diri

dalam apa juga aktiviti,” katanya ketika ditemui selepas pertandingan.

Seramai 70 peserta terdiri daripada pensyarah, pelajar dan anggota PERTIS menyertai pertandingan itu yang pertama kali dianjur-

kan Majlis Pelajar UnisZA Kampus Tembila.

Mohd Fauzi berkata, pertandingan memancing bukan sesuatu yang asing buat anggota PERTIS kerana mereka diberi latihan khusus mengenai memancing.

Menurutnya, PERTIS sebelum ini pernah menganjur pertandingan memancing di Kolam Pancing Kuala Terengganu dengan penyertaan daripada orang cacat pendengaran, cacat penglihatan dan cacat anggota badan serta mendapat sambutan memberangsangkan.

“Kami juga melaksanakan pelbagai kegiatan lain seperti silat, program berbasikal dan terbaru kelab futsal kepada golongan itu,” katanya.

Menerusi pertandingan itu, seorang wanita yang cacat penglihatan membuktikan kehebatannya apabila menjuarai Juara Joran berkenaan.

Zulaini Ab Ghani, 38, yang mewakili PERTIS menjuarai pertandingan apabila berjaya menaikkan ikan siakap putih seberat dua kilogram.